

Headline	Bazir peluang, terlepas trofi		
MediaTitle	Metro Ahad	Language	Malay
Date	12 Jan 2020	Readership	362,937
Circulation	120,979	Page No	52
Section	Arena	Journalist	MALIK MUHAMAD
ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 32,382		



## Bazir peluang, terlepas trofi

Oleh Malik Muhamad  
 sukanteam@ns-  
 tp.com.my



**Kuala Terengganu:** Tonggak adik-beradik Pasukan Hoki Terengganu (THT), Faizal dan adiknya, Fitri Saari mengakui kegalahan menyempurnakan peluang menyebabkan pasukan itu tewas tipis kepada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dalam perlawanan merebut Piala Sumbangsih di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, malam kelmarin.

Kedua-dua pemain kebangsaan itu menganggap pasukan mereka tidak ber-nasib baik selepas terpaksa akur tewas 2-3 kepada pasukan musuh tradisi itu se-kali gus gagal mempertahankan gelaran yang dimenangi musim lalu juga bertemu pasukan sama.

"Kita beraksi dengan baik pada malam ini (malam tadi), tapi pasukan lawan mengambil peluang selepas mendapat dua pukulan sudut penalti, sepatutnya kita mampu memenangi perlawanan sama ada 4-3 atau 5-3 jika kita mengambil peluang, tapi itulah tiada rezeki."

"Berkaitan mutu peng-dilan pula saya enggan men-gulas, saya serahkan ke-pada pihak pengurusan sa-ma ada untuk membuat aduan atau sebaliknya, kita sebagai pemain perlu terimalah kekalahan ini," kata Fitri.

Manakala Faizal yang me-ledak dua gol dalam per-lawanan itu berkata, pasu-kannya tidak berupaya me-nyudahkan peluang terbaik sekali gus terpaksa 'berpu-

*Kita pula gagal menyudahkan peluang termasuk menerusi pukulan sudut penalti, mungkin pemain lawan sudah dapat membaca gerakan set-piece kita"*

*Faizal Saari*

tih mata' untuk meraih ge-laran kedua dalam sejarah merebut trofi itu.

"Bagi saya apabila kita bertemu dengan pasukan sama hebat, pasukan mana yang berjaya menyempur-nakan peluang terbaik mereka akan menang, jadi la-wan manfaatkan dua pe-luang menerusi pukulan sudut penalti."

"Kita pula gagal menyudahkan peluang termasuk menerusi pukulan sudut penalti, mungkin pemain lawan sudah dapat membaca gerakan set-piece kita. Jadi malam ini (malam tadi) kita gagal mempertahankan gelaran yang dimenangi musim lalu, tapi kita perlu bangkit dalam per-lawanan seterusnya dalam liga dan Piala TNB."

"Kami tidak ada masalah dengan jurulatih (Muham-mad Dhaarma Raj Abdullah) kerana ada antara kami pernah bermain dengannya, ja-di untuk perlawanan ber-

temu TNB Thunderbolts da-lam aksi kedua petang esok (ini), kita perlu menang un-tuk elak kecinciran mata se-kali gus buru kejuaraan li-ga," katanya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Media Prima Bhd (New Straits Times Press (M) Berhad)	1	0	0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Hockey TNB Thunderbolts)	2	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	2	0	0
TNB Hockey Team (TNB Hockey Team)	2	0	0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	2	0	0
Universiti Kuala Lumpur (UniKL) (Universiti Kuala Lumpur	4	0	0